# AKTA PERSAINGAN 2010

AKU JANJI yang dibuat oleh –

1. **AZNAL MARKETING CENTRE (KT0115055-D)**
2. **BERKAT RAWA ENTERPRISE (KT0167293-X)**
3. **CRQ RESOURCES (KT0347010-V)**
4. **JUSOH BAKAR HOLDING (M) SDN BHD (341330-V)**
5. **KEL SAND TRADING (KT00266424-W)**
6. **MAA TRIPLE LINK (M) SDN BHD (757678-W)**
7. **MUDAH PASIR SDN BHD (986388-T)**
8. **PENGKALAN JADAR ENTERPRISE (KT0202211-U)**
9. **PUTIH MAJU ENTERPRISE (KT0326003-M)**
10. **SYARIKAT MOHAMAD BADARUDDIN BIN AB HAMID (KT0132669-T)**
11. **SYARIKAT MOHD ZAINAL BIN MAT RIFIN (KT0234672-K)**
12. **TEPI SUNGAI RESOURCES (KT0325284-A)**
13. **TIARA KESUMA RESOURCES (KT0353000-W)**

Kepada Suruhanjaya Persaingan.

## (i) PERUSAHAAN YANG MEMBERI AKU JANJI INI

1. Aku janji ini dibuat oleh perusahaan-perusahaan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 dibawah kepada Suruhanjaya Persaingan ('Suruhanjaya') bagi tujuan Seksyen 43 Akta Persaingan 2010 ('Akta').

**JADUAL 1**

| NO. | NAMA PERUSAHAAN | ALAMAT PERUSAHAAN |
|---|---|---|
| 1. | AZNAL MARKETING CENTRE (KT0115055-D) | Lot 1709, Kg Pasir, Parit Chetok, 17060, Pasir Mas, Kelantan |
| 2. | BERKAT RAWA ENTERPRISE (KT0167293-X) | No. 26, Kg. Kubang Rawa, Salor, 15100, Kota Bharu, Kelantan |
| 3. | CRQ RESOURCES (KT0347010-V) | No. 26, Jalan Pulau Angsa U10/36D, Seksyen U10, 40150, Shah Alam, Selangor |
| 4. | JUSOH BAKAR HOLDING (M) SDN. BHD. (341330-V) | Lot 2715, Batu 6, Kampung Semubal, Chetok, Jalan Pasir Mas Tanah Merah, 17040 Pasir Mas, Kelantan |
| 5. | KEL SAND TRADING (KT00266424-W) | Lot 935, Taman Puspajaya, 16450 Kota Bharu, Kelantan |
| 6. | MAA TRIPLE LINK (M) SDN. BHD. (757678-W) | Pengkalan Pasir Kampung Serendah, Sekebun Bunga, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan |
| 7. | MUDAH PASIR SDN. BHD. (986388-T) | W2/176, Jalan JKR, Pasir Mas, 17000, Pasir Mas, Kelantan |

| | | |
|---|---|---|
| 8. | PENGKALAN JADAR ENTERPRISE (KT0202211-U) | Lot 2383, Kampung Lundang Paku, 16450, Ketereh, Kelantan |
| 9. | PUTIH MAJU ENTERPRISE (KT0326003-M) | Lot 426, Kampung Pasir Hor, Depan Madrasah Pasir Hor, 15100, Kota Bharu, Kelantan |
| 10. | SYARIKAT MOHAMAD BADARUDDIN BIN AB HAMID (KT0132669-T) | Lot 51, Kampung Sungai Tendong, 17030 Pasir Mas, Kelantan |
| 11. | SYARIKAT MOHD ZAINAL BIN MAT RIFIN (KT0234672-K) | Kampung Haji Wanik, Beris Kubor Besar, 16050, Bachok, Kelantan |
| 12. | TEPI SUNGAI RESOURCES (KT0325284-A) | PT 5203, Daerah Kusial, 17500, Tanah Merah, Kelantan |
| 13. | TIARA KESUMA RESOURCES (KT0353000-W) | 652, Wakaf Che Yeh, 15100, Kota Bharu, Kelantan |

## (ii) LATAR BELAKANG

2. Suruhanjaya telah menjalankan penyiasatan terhadap pengusaha-pengusaha pasir pada **Jadual 1**, kerana disyaki membuat suatu perjanjian antipersaingan iaitu perjanjian penetapan harga pasir bagi jajahan Kota Bharu, Pasir Mas, Tanah Merah dan Machang yang terletak di dalam negeri Kelantan.

3. Pada 1 dan 8 Januari 2017, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kelantan (PTG) telah mengadakan mesyuarat-mesyuarat bersama perusahaan-perusahaan tersebut bagi tujuan memaklumkan perlantikan Warna Generasi Sdn. Bhd. sebagai syarikat yang akan

menguruskan pengumpulan bahan batu (pasir) bagi pihak Kerajaan Negeri Kelantan yang terletak di antara Kampung Pasir Kota, Kota Bharu hingga ke Kampung Kuala Sat, Tanah Merah yang mana kawasan ini terletak di sepanjang Sungai Kelantan.

4. Sehubungan itu, pada 10 Januari 2017 pengusaha-pengusaha pasir tersebut telah membuat perjumpaan di antara mereka untuk membincangkan tentang perlantikan Warna Generasi Sdn. Bhd., kesannya dan cara untuk menghadapi situasi tersebut.

5. Hasil dari perbincangan tersebut, pada hari yang sama, pengusaha-pengusaha pasir ini telah bersetuju untuk mengenakan harga pasir yang baru berdasarkan kepada senarai harga pasir yang dikeluarkan oleh mereka sendiri bagi jajahan masing-masing.

## (iii) AKU JANJI

6. Perusahaan-perusahaan pada Jadual 1 dengan ini berjanji untuk:

a) memansuhkan senarai harga pasir yang telah dikeluarkan pada 10 Januari 2017 bagi jajahan masing-masing termasuk memberhentikan apa-apa perlakuan antipersaingan lain berkaitan dengan pengeluaran senarai harga tersebut; dan

b) mengeluarkan kenyataan akhbar berpandukan kepada syarat-syarat yang disenaraikan pada Lampiran A dan kenyataan tersebut mestilah dihantar kepada akhbar Sinar Harian, Harian Metro, The Star dan Sin Chew Daily.

7. Selaras dengan Seksyen 14 dan Seksyen 15 Akta Persaingan 2010 dan dibaca bersama Seksyen 43 Akta yang sama, jika perusahaan-perusahaan pada Jadual 1 mengulangi sebarang perlakuan antipersaingan, Suruhanjaya mempunyai kuasa untuk mengambil kira perlakuan pada perenggan 2 hingga 6 di dalam penyiasatan Suruhanjaya.

**(iv) PENGIKTIRAFAN**

8. Perusahaan-perusahaan pada Jadual 1 mengiktiraf bahawa:

a) Suruhanjaya mempunyai kuasa untuk menyiarkan aku janji ini untuk diperiksa oleh orang awam, pada laman sesawang milik Suruhanjaya iaitu www.mycc.gov.my termasuk menggunakan mana-mana cara penyiaran lain yang dianggap sesuai oleh Suruhanjaya selaras dengan undang-undang yang berkaitan; dan

b) Suruhanjaya akan, dari masa ke semasa, membuat rujukan terhadap aku janji ini dan kenyataan akhbar perusahaan-perusahaan untuk tujuan fungsi dan kuasa Suruhanjaya.

## DISETUJUI DAN DILAKSANAKAN OLEH:-

| NO. | NAMA PERUSAHAAN | ALAMAT PERUSAHAAN | DITANDATANGANI OLEH |
|---|---|---|---|
| 1. | AZNAL MARKETING CENTRE (KT0115055-D) | Lot 1709, Kg Pasir, Parit Chetok, 17060 Pasir Mas, Kelantan | OI GUAN IM<br>580310-03-5019<br>AZNAL MARKETING CENTRE<br>NO. 60, KG. JENEREH 7,<br>TO' UBAN, PASIR MAS,<br>17050 KELANTAN. |
| 2. | BERKAT RAWA ENTERPRISE (KT0167293-X) | No. 26, Kg. Kubang Rawa, Salor, 15100, Kota Bharu, Kelantan | ASMARE ISMAIL.<br>731010-03-5717<br>BERKAT RAWA ENTERPRISE<br>(KT 0167293-X)<br>Lot 2529, Seberang Pasir Mas, Salor,<br>15100 Kota Bharu, Kelantan. |
| 3. | CRQ RESOURCES (KT0347010-V) | No. 26, Jalan Pulau Angsa U10/36D, Seksyen U10, 40150, Shah Alam, Selangor | Che Kamal Che Pa.<br>780102-03-6937.<br>CRQ RESOURCES<br>KT0347010-V |
| 4. | JUSOH BAKAR HOLDING (M) SDN. BHD. (341330-V) | Lot 2715, Batu 6, Kampung Semubal, Chetok, Jalan Pasir Mas Tanah Merah, 17040 Pasir Mas, Kelantan | AIMI BIN JUSOH.<br>710802-03-5149.<br>JUSOH BAKAR HOLDING (M) SDN. BHD<br>Batu 6, Semubal Chetok,<br>17040 Pasir Mas,<br>Kelantan. |
| 5. | KEL SAND TRADING (KT00266424-W) | Lot 935, Taman Puspajaya, 16450 Kota Bharu, Kelantan | KONG JIN HOO<br>700225035157<br>KEL SAND TRADING<br>Tel/Fax:<br>09-7870841 |

| NO. | NAMA PERUSAHAAN | ALAMAT PERUSAHAAN | DITANDATANGANI OLEH |
|---|---|---|---|
| 6. | MAA TRIPLE LINK (M) SDN. BHD. (757678-W) | Pengkalan Pasir Kampung Serendah, Sekebun Bunga, Ketereh, Kota Bharu Kelantan | TUAN MUSTAPHA KAMAL B. TUAN IBRAHIM.<br>MAA TRIPLE LINK (M) SDN. BHD. (757678-W) |
| 7. | MUDAH PASIR SDN. BHD. (986388-T) | W2/176, Jalan JKR, Pasir Mas, 17000, Pasir Mas, Kelantan | DIN BIN CHE MAT 571007-03-5345<br>MUDAH PASIR SDN BHD (986388 T) W2/176,Jalan JKR 17000 Pasir Mas, Kelantan |
| 8. | PENGKALAN JADAR ENTERPRISE (KT0202211-U) | Lot 2383, Kampung Lundang Paku, 16450, Ketereh, Kelantan | SUHAIMI BIN DERAMAN 581019 03 5173<br>Pengkalan Jadar Enterprise (KT-0202211-U) Lot 2383, Kg Lundang Paku, 16450 Kota Bharu, Kelantan |
| 9. | PUTIH MAJU ENTERPRISE (KT0326003-M) | Lot 426, Kampung Pasir Hor, Depan Madrasah Pasir Hor, 15100, Kota Bharu, Kelantan | MOHAMAD ZULKIFLI B. YAACOB 630823035041.<br>PUTIH MAJU ENTERPRISE (KT 0326003-M) LOT 426 KG PASIR HOR. DPN MADRASAH KG PASIR HOR. 15100 KOTA BHARU, KELANTAN TEL. 09-766 6370 FAKS: 09-766 637 |
| 10. | SYARIKAT MOHAMAD BADARUDDIN BIN AB HAMID (KT0132669-T) | Lot 51, Kampung Sungai Tendong, 17030 Pasir Mas, Kelantan | MOHAMAD . BADARUDDIN BIN AB. HAMID. 650513-03-5749.<br>MOHAMAD BADARUDDIN BIN AB. HAMID Kampung Tepi Sungai Tendong 17030 Pasir Mas, Kelantan. Tel: 012-951 3342 / 017-981 8648 PENJUAL BATU PASIR |

| NO. | NAMA PERUSAHAAN | ALAMAT PERUSAHAAN | DITANDATANGANI OLEH |
|---|---|---|---|
| 11. | SYARIKAT MOHD ZAINAL BIN MAT RIFIN (KT0234672-K) | Kampung Haji Wanik, Beris Kubor Besar, 16050, Bachok, Kelantan | MOHD ZAINAL B. MAT RIFIN 710708-03-5815 [signature] MOHD ZAINAL BIN MAT RIFIN ( KT 0234672-K ) KAMPUNG PAUH JABIT, BERIS KUBUR BESAR, 16050 BACHOK, KELANTAN H/P : 019 - 904 1340 |
| 12. | TEPI SUNGAI RESOURCES (KT0325284-A) | PT 5203, Daerah Kusial, 17500, Tanah Merah, Kelantan | Lim Kok Fei 900710-03-5615 [signature] TEPI SUNGAI RESOURCES ( KT0325284-A ) PT 5202 DAERAH KUSIAL, TEPI SUNGAI 17500 TANAH MERAH KELANTAN. |
| 13. | TIARA KESUMA RESOURCES (KT0353000-W) | 652, Wakaf Che Yeh, 15100, Kota Bharu, Kelantan | MOHD NEIZMI B. ZAKARIA 850926-03-5145 [signature] TIARA KESUMA RESOURCES KT0353000-W 652 Wakaf Che Yeh, 15100 Kota Bharu, Kelantan. |

**DISETUJUI DAN DITERIMA OLEH SURUHANJAYA PERSAINGAN**

[signature]
..........................................................................
Pengerusi
Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

PADA 25 HARI BULAN SEPTEMBER 2017
BAGI DAN UNTUK PIHAK SURUHANJAYA PERSAINGAN

**Lampiran A**

## SYARAT-SYARAT:

1) Kenyataan akhbar yang tertera pada Lampiran B hendaklah dihantar kepada empat (4) akhbar seperti yang disenaraikan pada perenggan 6 (b) aku janji ini pada kos perusahaan-perusahaan tersebut;

2) Penghantaran kenyataan akhbar tersebut kepada empat (4) akhbar itu mestilah dibuat pada 27 September 2017 melalui tangan atau faksimili dan emel. Pada masa yang sama, emel itu juga mesti dialamatkan kepada Suruhanjaya melalui complaints@mycc.gov.my iaitu alamat emel rasmi Suruhanjaya; dan

3) Sebarang perubahan kepada kenyataan akhbar pada Lampiran B serta cara penghantaran kenyataan akhbar tidaklah boleh ditukar oleh mana-mana perusahaan tanpa persetujuan Suruhanjaya. Ini termasuk mengeluarkan apa-apa kenyataan bertentangan dengan aku janji ini. Suruhanjaya boleh membatalkan aku janji ini serta merta dan menghidupkan kembali penyiasatan jika apa-apa perubahan dan/atau kenyataan bercanggah dibuat tanpa pengetahuan serta pesetujuan Suruhanjaya.

**LAMPIRAN B**

**KENYATAAN AKHBAR PENGUSAHA-PENGUSAHA PASIR JAJAHAN KOTA BHARU, PASIR MAS, TANAH MERAH DAN MACHANG,NEGERI KELANTAN**

Kami,

1. **AZNAL MARKETING CENTRE (KT0115055-D)**
2. **BERKAT RAWA ENTERPRISE (KT0167293-X)**
3. **CRQ RESOURCES (KT0347010-V)**
4. **JUSOH BAKAR HOLDING (M) SDN BHD (341330-V)**
5. **KEL SAND TRADING (KT00266424-W)**
6. **MAA TRIPLE LINK (M) SDN BHD (757678-W)**
7. **MUDAH PASIR SDN BHD (986388-T)**
8. **PENGKALAN JADAR ENTERPRISE (KT0202211-U)**
9. **PUTIH MAJU ENTERPRISE (KT0326003-M)**
10. **SYARIKAT MOHAMAD BADARUDDIN BIN AB HAMID (KT0132669-T)**
11. **SYARIKAT MOHD ZAINAL BIN MAT RIFIN (KT0234672-K)**
12. **TEPI SUNGAI RESOURCES (KT0325284-A)**
13. **TIARA KESUMA RESOURCES (KT0353000-W),**

pengusaha-pengusaha pasir bagi jajahan Kota Bharu, Pasir Mas, Tanah Merah dan Machang ingin memaklumkan bahawa tindakan kami mengeluarkan senarai harga pasir yang baru pada 10 Januari 2017 telah menimbulkan isu persaingan yang serius di bawah Akta Persaingan 2010.

Sehubungan itu, kami telah disiasat oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia. Hasil dari penyiasatan Suruhanjaya, kami bersama telah memberi satu aku janji kepada Suruhanjaya dan Suruhanjaya menerima aku janji tersebut. Secara ringkasnya, aku janji ini mengkehendaki kami melakukan perkara-perkara berikut-

a) Memansuhkan senarai harga pasir yang telah dikeluarkan pada 10 Januari 2017 bagi jajahan masing-masing termasuk memberhentikan apa-apa perlakuan antipersaingan lain berkaitan dengan pengeluaran senarai harga tersebut; dan

b) Mengeluarkan kenyataan akhbar dan kenyataan tersebut mestilah dihantar kepada akhbar Sinar Harian, Harian Metro, The Star dan Sin Chew Daily.

Disertakan sesalinan aku janji berkenaan untuk maklumat lanjut.

Kami juga ingin memohon maaf atas perlakuan kami kepada rakyat Malaysia terutamanya kepada rakyat negeri Kelantan.

Kami sesungguhnya berjanji tidak akan mengulangi perkara ini dan akan sentiasa mematuhi Akta Persaingan 2010 untuk kesejahteraan pengguna serta ekonomi negara.